

# Anwar lawat China hingga 7 November

## Kunjungan atas jemputan PM China untuk hadiri Ekspo CIIE ke-7 di Shanghai

**Shanghai:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melakukan lawatan kerja ke China hari ini hingga Khamis ini, atas jemputan daripada rakan sejawatnya, Li Qiang untuk menghadiri Ekspo Import Antarabangsa China ketujuh (CIIE ke-7) di Shanghai.

Menurut kenyataan Kementerian Luar Negeri, Malaysia diberi penghormatan sebagai 'Country of Honour' di CIIE ketujuh pada tahun ini.

Anwar akan diiringi oleh Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz serta Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

"Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dua hala bersama Li Qiang bagi berbin-cang hubungan dua hala, susulan perjumpaan mereka di Putrajaya pada 19 Jun 2024 serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama," menurut kenyataan itu.

CIIE ialah inisiatif Kerajaan China yang menyediakan platform untuk negara yang terba-bit dalam Inisiatif Jalur dan Lalan bagi mempromosi dan mengeksport barang dan perkhidmatan ke China.

Kementerian Luar Negeri yang turut dikenali sebagai Wisma Pu-

tra memaklumkan semasa majlis pembukaan CIIE ke-7, Anwar akan menyampaikan ucap-tama dan merasmikan Astaka Malaysia serta Astaka Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), termasuk mengadakan perjumpaan bersama syarikat perniagaan dan mengadakan sesi meja bulat dengan ketua industri dari China.

Perdana Menteri juga akan melawat Beijing selama dua hari bermula Rabu ini, iaitu beliau dijadual mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Xi Jinping.

Beliau juga akan menyampaikan syarahan terbuka bertajuk *Bridging Futures: Strengthening Malaysia-China Relations and ASEAN Centrality in a Shifting Global Order* di Universiti Peking dan melawat Huawei Executive Briefing Centre.

"Lawatan ini dijangka mengeratkan lagi hubungan dua hala yang kukuh sempena sambutan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik di antara Malaysia dan China pada tahun ini," kata kementerian itu.

Selama 15 tahun berturut-turut sejak 2009, China ialah rakan perdagangan global Malaysia yang terbesar.

Pada 2023, jumlah perdagangan dengan China bernilai RM450.84 bilion (AS\$98.80 bilion), menyumbang 17.1 peratus daripada jumlah dagangan global Malaysia.

Sehingga September 2024, Malaysia mencatat jumlah perdagangan sebanyak RM355.15 bilion (AS\$76.72 bilion).

Pada separuh tahun pertama 2024, sejumlah 15 projek pembuatan dilaksanakan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.2 bilion (AS\$ 252.5 juta). BERNAMA